



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

30 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

30 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)



KPDNHEP Selangor menyerbu premis yang menempatkan daging sejuk beku di sebuah premis di Pulau Indah. - Gambar Ihsan KPDNHEP Selangor



LELAKI MENGAKU GUNA LOGO HALAL PALSU

Didenda RM43,000

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Seorang lelaki tempatan didenda RM43,000 selepas mengaku bersalah menggunakan logo halal palsu pada daging sejuk beku yang diimport.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, hukuman dijatuhkan oleh majistret di Mahkamah Sesyen di sini, kelmarin.

Menurutnya, pendakwaan dilakukan susulan operasi bersepadu KPDNHEP Selangor bersama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Ibu Pejabat Polis (IPK) Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di sebuah premis di Pulau Indah, awal tahun lalu.

"Individu terbabit dituduh mengikut Akta Perihal Dagangan 2019.

"Tertuduh terbabit kemudian mengaku bersalah selepas per-tuduhan dibaca di hadapan

Hakim Rasyidah Ghazali.

"Mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM43,000 dan jika gagal bayar denda boleh dikenakan hukuman penjara 15 bulan penjara mengikut Perenggan 8(b) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011.

"Sejumlah 1,672 barang kes dilupuskan disebabkan ia barang mudah rosak dengan nilai rampasan yang dilupuskan adalah melebihi RM500,000," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam serbuan pada 25 Januari tahun lalu, KPDNHEP mendapati pengimport daging sejuk beku (daging lembu) berkenaan menggunakan penandaan logo halal dari luar negara dan perbahasaan/tulisan halal yang diragui.

"Siasatan mendapati daging sejuk beku yang ditemui semasa serbuan adalah diimport dari luar negara.

"Siasatan awal dan seakan daripada Jais, logo halal yang digunakan tidak diiktiraf dan penandaan halal yang digunakan pada kotak pembungkusan diragui," katanya.

Individu terbabit dituduh mengikut Akta Perihal Dagangan 2019

Denda RM43,000 guna logo halal palsu

Lelaki berkenaan mengaku guna logo halal yang tidak diiktiraf pada daging lembu sejuk beku

Oleh **NOOR AZLIDA ALIMIN**
SHAH ALAM

Seorang lelaki berusia 30-an didenda RM43,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini kerana menggunakan logo halal yang tidak diiktiraf pada daging sejuk beku, Januari tahun lalu.

Lelaki itu selaku orang kena saman (OKS) dikenakan hukuman itu selepas mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibaca di hadapan Hakim Rasyidah Ghazali pada Selasa.

Mahkamah memerintahkan



Agensi penguat kuasa berjaya mengesan kes pengimport daging sejuk beku menggunakan logo halal dari luar negara dan tulisan halal yang diragui dalam serbuan di premis sekitar Pulau Indah, Shah Alam tahun lalu.

OKS dipenjara 15 bulan jika gagal membayar denda tersebut.

Dia didakwa mengikut Perenggan 8(b) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Bagi kesalahan yang kedua atau berikutnya, denda tidak me-

lebih RM250,000 atau dipenjara selama tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Sejumlah 1,672 barang kes bernilai lebih RM500,000 yang dipertuduhkan telah dilupuskan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwat Pengguna (KPDNHEP) Selangor, Nurul 'Ain Shafie.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP Selangor, Mohd Khairi Jamaludin berkata, pada 25 Januari tahun lalu, pihaknya berjaya mengesan kes pengimport daging sejuk beku (daging lembu) menggunakan logo halal dari luar negara dan tulisan halal yang diragui.


"Serbuan dibuat bersama Jabatan Agama Islam Selangor

(JAIS), polis Selangor dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di premis sekitar Pulau Indah di sini namun tiada pemilik atau pekerja ditemui.

"Satu tindakan diambil bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan hasil siasatan telah membawa kepada pengesyoran orang yang disiasat (OYDS) untuk dipertuduhkan di mahkamah di bawah Akta Perihal Dagangan 2019," katanya menerusi satu kenyataan pada Khamis.

Mohd Khairi berkata, pihaknya akan terus menjalankan pemeriksaan dengan agensi lain khususnya berkaitan isu keselamatan dan pemeriksaan melibatkan makanan.

Malah, beliau menegaskan, agensi ini bertindak tegas dan tidak berkompromi dalam menguatkuasakan undang-undang khususnya melibatkan perakuan dan penandaan halal selain ia merupakan antara salah satu kepentingan awam.

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam RM7.49	• Telur Gred A RM13.35	• Gula Pasir RM2.85	• Cili Merah RM9.90
	• Daging Lembu Tempatan RM44.29	• Ikan Kembung RM12.50	• Bawang Besar Holland RM3.79	• Kubis Tempatan RM4.79
	• Daging Lembu Import RM53.90	• Minyak Masak RM7.40	• Bawang Putih RM5	• Tepung Gandung RM2.60
				<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL, PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(AGENSI KPDNHEP)**

30 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)

Pengeluar batik asli Terengganu akur untuk paten produk

KUALA TERENGGANU – Persatuan Pengusaha-Pengusaha Batik Negeri Terengganu akur kegagalan mempatenkan produk dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) punca lambakan produk batik tiruan sukar dibanteras.

Yang Dipertuanya, Shafei Ghazali berkata, pihaknya akan mengambil inisiatif secara agresif memujuk ahli-ahlinya untuk mengikuti saranan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) itu demi melindungi industri batik asli Terengganu.

Beliau mengakui semakin mendapati semua ahli-ahli masih belum berdaftar dengan MyIPO.

"Sebenarnya, kami pernah mengambil inisiatif mengadakan taklimat berhubung kepentingan mempatenkan produk batik kepada ahli-ahli pada beberapa tahun lalu.

"Ramai berminat tetapi saya dimaklumkan niat itu terpaksa ditangguhkan kerana kos pendaftaran tinggi apatah lagi tidak lama selepas itu berlaku pandemik yang menjejaskan perniagaan," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* semalam.

Kosmo! kelmarin melaporkan saranan KPDNHEP agar pengusaha dan pengeluar batik asli Terengganu segera mendaf-

tar dengan MyIPO bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan dilakukan.

Ia rentetan keluhan pengusaha terbabit tentang lambakan batik Siam yang dilabelkan sebagai batik asli Terengganu di pasaran buat masa ini.

Perbuatan tamak segelintir peniaga itu bukan sahaja menjejaskan pengusaha batik asli Terengganu malah mengeliru dan menipu pengguna.

"Kita akan berhubung dengan KPDNHEP dan MyIPO berkenaan proses pendaftaran produk batik asli Terengganu seterusnya menjalin kerjasama membanteras penjualan barangan tiruan pada masa terdekat," katanya.

Ujar beliau, sebelum ini pihaknya telah mengambil inisiatif memperolehi penarafan Petunjuk Geografi atau 'Geographical Identification' (GI) untuk ciri-ciri produk asli batik Terengganu iaitu ketulenan, material, warna dan hasil akhirnya.

"Penarafan itu membolehkan pengusaha dan pengeluar batik di Terengganu menggunakan logo eksklusif pada produk masing-masing seperti batik sarung dan kaftan.

"Logo GI itu bukti sah produk berkenaan keluaran batik asli Terengganu sebagai panduan kepada pengguna," katanya.



PENGUSAHA batik asli Terengganu disarankan agar mempatenkan produk mereka dengan MyIPO.

BERITA ONLINE BERTARIKH 30 SEPTEMBER 2022

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
30-Sep	KPDNHEP sasar beralih sepenuhnya kepada pendigitalan menjelang 2024	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2124700	BERNAMA
30-Sep	KPDNHEP sasar beralih sepenuhnya kepada pendigitalan menjelang 2024	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/47940-kpdnhep-sasar-beralih-sepenuhnya-kepada-pendigitalan-menjelang-2024	BERITARTM
30-Sep	KPDNHEP beralih kepada pendigitalan sepenuhnya menjelang 2024	https://selangorkini.my/2022/09/kpdnhep-sasar-beralih-sepenuhnya-kepada-pendigitalan-menjelang-2024/	SELANGORKINI
30-Sep	Lelaki didenda rm43000 kerana guna logo halal palsu	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2022/09/1006041/lelaki-didenda-rm43000-kerana-guna-logo-halal-palsu	BH
30-Sep	KPDNHEP komited terap aspek digital dalam operasi dan perkhidmatan menjelang 2024	https://youtu.be/ReQjF9ZTDno	ONENEWS
30-Sep	29 SEPT 2022 –B.P-KPDNHEP KOMITED-TERAP ASPEK DIGITAL DALAM OPERASI,PERKHIDMATAN MENJELANG 2024	https://youtu.be/x6RgjTPq8VQ	BERITARTM
30-Sep	Domestic Trade Ministry aims to go full-digital by 2024	https://www.thevibes.com/articles/news/72831/domestic-trade-ministry-aims-to-go-full-digital-by-2024	THEVIBES
30-Sep	KPDNHEP rampas barangan tiruan bernilai lebih RM500,000	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/223526	SH
30-Sep	Aktiviti penyelewengan diesel di penampang tumpas	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/886940/aktiviti-penyelewengan-diesel-di-penampang-tumpas	HM
30-Sep	15,683 liters of diesel seized in Penampang, three men detained	https://www.theborneopost.com/2022/09/29/15683-liters-of-diesel-seized-in-penampang-three-men-detained/	THEBORNEOPOST

30-Sep	Seleweng Diesel KPDNHEP Sabah serbu stor, rampas 15,683 liter diesel	https://www.astroawani.com/video-malaysia/seleweng-diesel-kpdnhep-sabah-serbu-stor-rampas-15-683-liter-diesel-1989324	ASTROAWANI
30-Sep	KPDNHEP Sabah tumpaskan kegiatan seleweng barang kawalan diesel	https://sabahmedia.com/2022/09/29/kpdnhep-sabah-tumpaskan-kegiatan-seleweng-barang-kawalan-diesel/	SABAHMEDIA
30-Sep	KPDNHEP serbu stor simpanan diesel, tumpas kegiatan seleweng barang kawalan	https://www.utusanborneo.com.my/2022/09/29/kpdnhep-serbu-stor-simpanan-diesel-tumpas-kegiatan-seleweng-barang-kawalan	UMBORNEO
30-Sep	KPDNHEP rampas minyak wangi tablet aksesori telefon tiruan lebih rm500000	https://www.google.com/amp/s/malaysiagazette.com/2022/09/29/kpdnhep-rampas-minyak-wangi-tablet-aksesori-telefon-tiruan-lebih-rm500000/%3famp	MALAYSIAGAZETTE
30-Sep	12,000 paket susu kambing tiruan disita	https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/12000-peket-susu-kambing-tiruan-disita/	UM
30-Sep	Dimana telur	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/886926/dimana-telur	HM
30-Sep	Jawatankuasa teknikal teliti isu kekurangan bekalan telur	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/887001/jawatankuasa-teknikal-teliti-isu-kekurangan-bekalan-telur	HM
30-Sep	Technical committee looking into egg supply shortage	https://www.theedgemarkets.com/article/technical-committee-looking-egg-supply-shortage-%E2%80%94-mustapa	THEEDGEMARKETS
30-Sep	Jawatankuasa Teknikal teliti isu kekurangan bekalan telur	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/223553	SH